

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 20 Julai 2016 12:52
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Madya Dr. Haim Hilman bin Abdullah
Subject: JAMUAN HARI RAYA IPQ ERAT PERSAHABATAN SESAMA WARGA UUM



Institut Pengurusan Kualiti
INSTITUTE OF QUALITY MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia



20 Julai 2016/ 15 Syawal 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

JAMUAN HARI RAYA IPQ ERAT PERSAHABATAN SESAMA WARGA UUM



IPQ ONLINE : Kemeriahan yang diraikan oleh warga UUM terjalin dengan Institut Pengurusan Kualiti telah mengadakan Jamuan Hari Raya (IPQ) 2016. Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk meraikan dan menjalinkan persahabatan sesama warga UUM bersama warga IPQ. Pengarah IPQ, Prof Madya Dr. Haim Hilman Abdullah berkata, majlis ini diadakan bagi memupuk jalinan erat sesama warga IPQ dan mendekatkan hubungan sesama warga IPQ dengan jabatan-jabatan lain.

Seramai 700 jemputan yang hadir dalam jamuan hari raya IPQ 2016 ini yang terdiri daripada warga kerja bangunan Pusat Konvensyen iaitu Cetma, CUIC, UTLC, IPDM, NCRC, Pusat Inovasi, RIMC, CeDI, ITU-UUM, UUMPress, dan Unit Latihan Jabatan Pendaftar. Hadir sama bagi memeriahkan jamuan raya ini adalah warga kerja bangunan Canselori yang terdiri daripada Jabatan Canselori, Jabatan Pendaftar, Jabatan Bendahari, Jabatan Hal Ehwal Akademik, Pejabat Naib Canselor, dan Pejabat Timbalan Naib Canselor serta warga UUMIT yang terlibat dengan projek IPQ. Barisan juruaudit 5S dan ISO turut dijemput dalam majlis ini. Turut memeriahkan majlis ini adalah daripada warga kerja pencucian UPSB di sekitar bangunan Pusat Konvensyen dan bangunan Canselori.

Konsep jamuan yang disediakan adalah dibahagikan kepada 3 bahagian utama mengikut bahagian di IPQ dengan mempamerkan menu utama yang terdiri daripada kambing panggang, nasi tomato, laksa, bihun sup, ketupat rendang, tapai, jagung rebus, satay, dan pelbagai lagi juadah yang disediakan dalam jamuan ini.

Majlis ini berlangsung pada 19 Jun 2016 bermula pada jam 11.00 pagi dan berakhir pada jam 3.00 petang. Semangat dan kerjasama yang erat warga IPQ dalam menjayakan majlis ini menjadi kenyataan dan mampu memberikan senyuman kepada warga sekitar IPQ khususnya dalam kesepakatan dan perpaduan warga UUM.

=====

**INSTITUT PENGURUSAN KUALITI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK,
KEDAH DARUL AMAN**

**FOCUSED. ACCURATE. SHARP. TIMELY
IPQ DRIVES UUM'S ENDLESS POTENTIALS**

TEL. : 04 - 928 3068/4679/4678/4657

FAKS :04 - 928 4660

E-MEL : ipq@uum.edu.my

<http://ipq.uum.edu.my>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer:

This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited.

If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the

official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or

corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.